

16/02/1999

BN terbukti tunai janji: Mokhtar

KUALA TERENGGANU, Isnin - Rakyat Sabah perlu memilih parti yang terbukti menunaikan janji dalam pilihan raya sebelum ini, kata Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

Beliau berkata, Barisan Nasional (BN) sudah membuktikan kepada rakyat negeri berkenaan dalam menunaikan janji yang diberikan termasuk menyediakan Kampus Universiti Malaya, membina jalan baru serta infrastruktur demi kepentingan rakyat.

"Kita berharap rakyat Sabah sekali lagi memberi mandat kepada BN untuk memerintah negeri itu supaya segala harapan dan janji untuk kepentingan seluruh rakyat Sabah dapat diteruskan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis sambutan Aidilfitri anjuran Petronas di Bangunan Yayasan Islam Terengganu di sini hari ini.

Wan Mokhtar berkata, BN sudah membuktikan kemampuannya membangunkan negara ini sehingga menjadi negara paling cepat membangun di Asia dan secara keseluruhannya menjadi perhatian banyak negara lain di dunia.

"Mutakhir ini negara-negara kumpulan G15 juga turut memberi tumpuan kepada pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai pembangunan ekonomi dunia," katanya.

Bercakap mengenai kekuatan parti baru di Sabah, Menteri Besar berkata, mereka (parti baru) tidak mempunyai rekod perkhidmatan kepada rakyat untuk dijadikan kayu mengukur.

(END)